
Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari

SKIM PERKHIDMATAN

1. **JAWATAN** : **PEKERJA TINGKAT II (TETAP)**
 2. **BAHAGIAN** : V
 3. **TANGGAGAJI** : Tertakluk kepada Tanggagaji dalam jawatan 'Open Vote' dalam Tanggagaji F dan sebanding dan bagi jawatan Bergaji Hari - penetapan tanggagaji dan gaji adalah mengikut ketetapan sepertimana lazimnya.
 4. **JABATAN/KEMENTERIAN** : Jabatan-Jabatan Kerajaan
-

5. SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c. i. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan 'Open Vote' sebagai Pekerja Tingkat IV atau Pekerja Tingkat V** atau jawatan yang bersesuaian (bagi mana-mana jawatan sebelum diserapkan ke Perkhidmatan Tetap) sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F dan sebanding.

ATAU

- ii. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan Gaji Hari** dalam jawatan dan dalam lingkungan bidang tugas serta kelulusan jawatan yang bersesuaian.



- d. **Bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap** mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap BAIK (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dan yang diarahkan oleh Pegawai atasan di Jabatan/ Kementerian berkenaan.

8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

Tempoh percubaan hanya akan **dikenakan bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap sahaja dan tidak dikenakan bagi kakitangan dalam 'Open Vote'**.

Mereka adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 1 tahun dan akan ditetapkan dalam jawatannya setelah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan.

9. KURSUS/LATIHAN

Pekerja Tingkat II (Tetap) adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

